



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



MASALAH BACAAN BAHASA MELAYU MURID DISLEKSIA:
PENGELASAN BERDASARKAN TEORI SINDROM
DISLEKSIA LEVINSON

*READING DIFFICULTIES IN MALAY LANGUAGE AMONG DYSLEXIC
STUDENTS: CLASSIFICATION BASED ON LEVINSON'S
DYSLEXIA SYNDROME THEORY*

Nurul Husna Jamil^{1*}, Nur Farakhanna Mohd Rusli²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: nurulhusnajamil23@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: farakhanna@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.10.2024

Revised date: 10.11.2024

Accepted date: 12.12.2024

Published date: 23.12.2024

To cite this document:

Jamil, N. H. & Rusli, N. F. M. (2024).
Masalah Bacaan Bahasa Melayu
Murid Disleksia: Pengelasan
Berdasarkan Teori Sindrom Disleksia
Levinson. *International Journal of
Education, Psychology and
Counseling*, 9 (56), 530-545.

DOI: 10.35631/IJEPC.956033

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Disleksia merupakan satu keadaan yang menyebabkan seseorang mengalami kesukaran dalam kemahiran berbahasa khususnya membaca. Dalam kajian ini, aspek *Phonological Dyslexia* yang berfokus kepada kesukaran membaca yang melampau akibat kecacatan fonologi, iaitu keupayaan memanipulasi bahasa akan diberikan tumpuan. Kajian ini merupakan satu kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif dalam menganalisis data. Kaedah kajian yang digunakan terdiri daripada kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Responden kajian terdiri daripada lima orang murid disleksia berumur antara tujuh hingga 12 tahun dari tiga buah sekolah rendah di Perak. Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan tiga instrumen, iaitu borang maklum balas murid, buku latihan disleksia dan alat perakam audio. Dua petikan ringkas diambil daripada buku latihan disleksia dan diberikan kepada responden untuk dibaca. Alat perakam audio digunakan untuk merekod bacaan murid disleksia. Kesalahan bacaan murid disleksia dianalisis berdasarkan tujuh mekanisme yang terdapat di dalam Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994). Hasil kajian menunjukkan antara kesalahan yang dilakukan oleh murid disleksia berdasarkan teori ialah pemindahan, penggantian, penyisipan, pengguguran, pembalikan, pemeluwapan dan agak-agakan. Dari segi implikasi, kajian ini diharapkan dapat menyumbang pengetahuan tentang

situasi masalah bacaan murid disleksia berdasarkan Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994).

Kata Kunci:

Bacaan, Bahasa Melayu, Disleksia, Murid, Teori Sindrom Disleksia Levinson

Abstract:

Dyslexia is a condition that causes individuals to experience difficulties in language skills, particularly in reading. This study focuses on the aspect of Phonological Dyslexia, which centers on extreme reading difficulties due to phonological impairments, specifically the ability to manipulate language. This research is a case study that employs qualitative methods for data analysis. The research methods used include literature review and observation techniques. The respondents consist of five dyslexic students aged between seven and 12 years from three primary schools in Perak. To gather data, this study utilizes three instruments: student feedback forms, dyslexia exercise books, and an audio recorder. Two short passages were taken from the dyslexia exercise book and given to the respondents to read. An audio recorder was used to record the reading of the dyslexic students. The reading errors made by the dyslexic students were analyzed based on the seven mechanisms found in Levinson's Dyslexia Syndrome Theory (1994). The results of the study showed that the errors made by the dyslexic students, based on the theory, include transposition, substitution, insertion, omission, reversal, condensation, and guessing. In terms of implications, this study is expected to contribute knowledge about the reading difficulties of dyslexic students based on Levinson's Dyslexia Syndrome Theory (1994).

Keywords:

Reading, Malay Language, Dyslexia, Students, Levinson's Dyslexia Syndrome Theory

Pendahuluan

Seseorang yang mengalami disleksia mengalami kesukaran dalam kemahiran berbahasa, terutamanya membaca (Ebere, 2016). Walaupun hanya pada peringkat awal, sesetengah individu disleksia sukar membaca dengan baik. Mereka akan menghadapi kesukaran untuk menguasai kemahiran berbahasa yang lebih kompleks seperti membaca petikan panjang atau menulis karangan apabila mereka mula mempelajarinya. Murid disleksia perlu didedahkan kepada aktiviti bahan bacaan dan berada dalam persekitaran bahasa yang positif (Blagovesta, 2016). Untuk membantu murid meningkatkan kemahiran membaca mereka dan memahami teks, guru Pendidikan Khas boleh menggunakan teknik membaca seperti mengimbas dan *skimming* (membaca dengan cepat).

Perkembangan neurologi biasanya dikaitkan dengan masalah pembelajaran, yang menjejaskan kemahiran memproses, menyimpan dan menghasilkan pelbagai jenis data (Ugwu, 2015). Oleh itu, kecelaruan pembelajaran mempengaruhi proses kognitif kanak-kanak yang didiagnosis dengan disleksia. Persatuan Disleksia Antarabangsa (IDA) menyatakan bahawa antara lima belas hingga dua puluh peratus penduduk dunia mengalami sekurang-kurangnya satu simptom

disleksia. Masalah pembelajaran telah lama wujud. Tetapi sistem pendidikan kini menyedari dan mengakui masalah pembelajaran disleksia.

Intan Amalia (2016) menyatakan bahawa terdapat isu lain yang dihadapi oleh kanak-kanak disleksia. Antaranya ialah kesukaran membaca dan menulis nombor serta kesukaran membezakan kata kerja dan kata adjektif. Dia menyatakan bahawa pelajar disleksia adalah berbeza-beza. Majoriti daripada mereka mengalami kekeliruan dalam pertukaran atau penggantian fonem vokal dan konsonan, dan aspek ini akan difokuskan dalam kajian ini, yang berkaitan dengan disleksia fonologi. Oleh itu, berdasarkan Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994), objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mengelaskan isu bacaan murid yang didiagnosis dengan disleksia dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Permasalahan Kajian

Kanak-kanak dengan masalah pembelajaran disleksia akan menghadapi masalah dalam membaca, menulis, mengira, mengeja dan memahami bahan pengajaran. Menurut Aminah Kassim (2020), anggaran sebanyak empat hingga lapan peratus pelajar sekolah mempunyai masalah tersebut dan lebih ramai pelajar lelaki yang mengalami disleksia berbanding pelajar perempuan. Walaupun peratus tersebut adalah kecil, namun masalah ini perlu ditangani bersama-sama agar murid disleksia tidak ketinggalan dalam pelajaran dan mendapat perhatian yang sewajarnya demi mendapatkan atau memperoleh pendidikan yang terbaik.

Seperti yang dinyatakan oleh Suzita Samsudin dan Aliza Alias (2021), ibu bapa harus mengambil kira perkembangan anak mereka. Dengan cara ini, ibu bapa boleh mengesan anak-anak mereka yang mengalami disleksia pada peringkat prasekolah lagi. Antara ciri-ciri yang boleh dilihat adalah seperti bertutur dengan lambat, kesukaran dalam membunyikan sesuatu perkataan, dan sukar mengenal serta membezakan jenis warna dan bentuk. Selain itu, mereka juga mengalami kesukaran menceritakan kembali sesuatu yang telah didengarinya. Ciri-ciri seperti ini akan jelas kelihatan sekiranya guru-guru dan ibu bapa sering berinteraksi dengan murid disleksia kerana cara percakapan mereka yang berbeza dengan kanak-kanak normal.

Tambahan pula, ada ibu bapa yang lambat mengesan masalah disleksia dalam kalangan anak-anak mereka kerana kurang memberi perhatian terhadap perkembangan kanak-kanak tersebut. Oleh itu, kanak-kanak yang mengalami disleksia tidak akan dapat menguasai kemahiran 4M, iaitu membaca, menulis, mengeja dan mengira apabila mereka masuk ke alam persekolahan. Kegagalan tersebut akan menyebabkan motivasi murid disleksia berkurangan dan mereka tidak suka membaca serta mengelak sekiranya disuruh membaca semasa di dalam kelas (Suzita Samsudin dan Aliza Alias (2021).

Suzita Samsudin dan Aliza Alias (2021) menambah lagi bahawa murid disleksia biasanya membaca huruf, nombor, atau perkataan secara terbalik. Contohnya, nombor "15" dibaca sebagai "51", "was" dibaca sebagai "saw", dan "b" dibaca sebagai "d." Mereka juga mengalami kesukaran memahami, mengingat dan mengikut arahan yang diberikan. Mereka mempunyai daya ingatan yang lemah untuk mengingat bunyi dan bentuk huruf. Hal ini menyebabkan mereka sering melakukan kesalahan bacaan. Oleh itu, mereka perlu belajar secara berulang kali agar dapat membaca dengan lancar.

Menurut Intan Amalia (2016), terdapat juga masalah lain yang dialami kanak-kanak disleksia. Antaranya ialah sukar membaca dan menulis nombor. Menurut beliau, setiap murid yang

mengalami masalah disleksia adalah berbeza-beza antara satu sama lain. Kebanyakan mereka mengalami kekeliruan dalam pertukaran atau penggantian fonem vokal dan konsonan, dan aspek inilah yang akan dititikberatkan dalam kajian ini, iaitu berkaitan *Phonological Dyslexia*.

Menurut Davis et al. (2010), seseorang penghidap disleksia yang berfikir melalui imej mental (gambaran dalam otak) bermaksud kanak-kanak tersebut mengalami masalah dalam memahami sesuatu perkataan yang disebut dengan gambaran dalam otak. Dalam pada itu, kajian oleh Nur Syamira dan Harun (2021) menyatakan bahawa situasi tersebut juga berlaku semasa membaca. Hal ini demikian kerana murid disleksia hanya terdedah dengan tulisan perkataan semata-mata. Rentetan itu, mereka mengalami kekeliruan dan akhirnya mereka sukar memahami atau menyebut perkataan dengan tepat.

Antara kesilapan semasa mereka membaca ialah seperti tertinggal huruf atau perkataan, tertinggal baris ayat, membaca nombor dan perkataan secara tidak teratur, dan sebagainya. Hal ini sememangnya kesalahan yang lazim dilakukan oleh individu yang menghidap disleksia. Masalah membaca ini bukan sahaja memberi kesan terhadap pembelajaran mereka, malah emosi mereka turut terganggu. Kesalahan yang banyak semasa membaca teks atau ayat akan menyebabkan mereka berasa kecewa, sedih, keliru, putus asa dan menyebabkan mereka kurang minat untuk meneruskan bacaan (Vijayaletchumy, 2008).

Sariah Amirin (2020) mengukuhkan isu ini dengan menyatakan bahawa keupayaan untuk mengenal pasti huruf dan menyesuaikan huruf dengan bunyi adalah masalah utama dalam bacaan pelajar disleksia. Pemahaman seseorang tentang fonemik, fonetik dan fonologi bahasa menentukan tahap penguasaan bahasa mereka. Sekiranya isu ini tidak diselesaikan, pelajar disleksia akan terus menghadapi kesukaran menyesuaikan huruf dan bunyi dengan betul. Tambahan pula, masalah ini akan membawa kepada masalah lain seperti mereka tidak menguasai perbendaharaan kata. Akhirnya, tahap berbahasa mereka mempunyai jurang yang besar berbanding kanak-kanak normal.

Sebuah kajian oleh Nazariah Md Isa (2021) mendapati bahawa cara pelajar disleksia melihat huruf dan perkataan berbeza daripada cara pelajar biasa melihatnya. Masalah visual yang kerap dialami oleh pelajar yang didiagnosis dengan disleksia visual termasuk pembalikan idea, disorientasi vertikal, yang dikenali sebagai ketidakseimbangan otak, disorientasi lateral, yang dikenali sebagai keliru arah kiri dan kanan, kabur, imej terbalik, kehilangan huruf, kehilangan perkataan penting, dan terbalik atas bawah. Kegagalan pelajar untuk membaca akan menyebabkan mereka gagal dan mempunyai pencapaian yang rendah dalam pelajaran. Oleh itu, guru perlu kreatif apabila memilih kaedah atau pendekatan pengajaran yang sesuai untuk ketidakupayaan pelajar mereka.

Selain itu, menurut Nadia Shuhada Abdan Nasir dan Vijayaletchumy Subramaniam (2024), tugas membaca menjadi sukar bagi sesetengah kanak-kanak yang didiagnosis dengan disleksia. Kanak-kanak berusia lebih lima tahun masih gagal membaca perkataan dengan suku kata mudah dan mengeja. Kanak-kanak yang didiagnosis dengan disleksia mungkin boleh membaca. Walau bagaimanapun, tahap perkembangan minda dan usia seseorang individu bergantung pada kecekapan membaca mereka (Sietske Walda, Marjolijn Van Weerdenburg, Ad Van Der Ven dan Anna Bosman, 2021). Jabatan Pendidikan Khas, KPM menyatakan bahawa kanak-kanak dengan disleksia mempunyai kecerdasan mental yang setanding atau

melebihi murid biasa. Walau bagaimanapun, mereka menghadapi halangan yang ketara dalam menguasai kemahiran seperti mengira, menulis, membaca dan mengeja.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Adriana Anchak, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria dan Mohd Syaubari Othman (2023), pelajar disleksia menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan tugas sekolah, walaupun mereka telah melakukan usaha yang besar untuk menyelesaikannya. Mereka yang mengalami disleksia menghadapi masalah untuk membaca dengan betul dan lancar yang menjejaskan pencapaian mereka dalam Bahasa Melayu. Mereka tidak memenuhi spesifikasi umur untuk membaca. Menurut Ahmad Yazid Yahya, Noor Aini Ahmad dan Yoong Soo May (2018), masalah ini dianggap sebagai masalah disleksia yang termasuk dalam kategori gangguan pembelajaran lisan atau ketidakmampuan untuk belajar secara lisan.

Dalam kajian Jamiah Tulisman (2022) mengenai Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS), terdapat juga masalah dengan bacaan pelajar yang didiagnosis dengan disleksia. Kajian tersebut menunjukkan bahawa murid dengan disleksia menghadapi kesukaran apabila melaksanakan penilaian amali KVS pembuatan roti. Menurut Abdul Aziz Busri (2021), ini disebabkan oleh ketidakupayaan mereka untuk membaca, mengeja, mengira dan memahami. Oleh itu, pelajar yang tidak dapat membaca akan menghadapi kesukaran untuk menyediakan bahan mengikut sukatan yang dinyatakan dalam resipi seterusnya. Mereka tidak boleh membuat roti, donat, atau piza dengan sempurna. Selain itu, apabila pelajar hanya diberikan tugas amali untuk membentuk roti yang telah siap, ia membuatkan mereka berasa kecewa. Masalah ini perlu ditangani segera untuk mendorong pelajar membuat roti dari awal hingga akhir.

Kajian ini bersandarkan Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994). Oleh itu, kajian ini juga melihat kajian lepas yang berkaitan dengan teori tersebut. Vijayaletchumy et al. (2022) menyatakan bahawa kesalahan bacaan jenis pemeluwapan tidak berlaku dalam bacaan Bahasa Melayu kerana murid yang didiagnosis dengan disleksia tidak melakukan kesalahan tersebut. Pelajar disleksia tidak mengalami semua kesalahan membaca yang dikategorikan oleh teori ini. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar disleksia melakukan kesalahan bacaan luar jangka teori, iaitu mengeja secara fonik apabila membaca dan membunyikan setiap huruf secara berasingan sebelum menggabungkan bunyi tersebut ke dalam suku kata. Membaca menjadi lebih sukar kerana keadaan seperti ini sering berlaku semasa membaca.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Kavenia dan Vijayaletchumy pada tahun 2018 menunjukkan beberapa kesalahan bacaan, termasuk langkau (mengulang perkataan tanpa mengikuti urutan perkataan dalam ayat) dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mempelbagaikan data mengenai kesalahan bacaan dan kesalahan luar jangka murid disleksia. Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994) menunjukkan bahawa walaupun mekanisme yang dinyatakan tidak ditemukan, kesalahan ini masih boleh berlaku. Tujuannya adalah untuk melihat dan memahami pelbagai kesalahan bacaan yang dilakukan oleh pelajar yang mempunyai diagnosis disleksia.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah bacaan murid yang mengalami disleksia dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan isu yang telah dibincangkan sebelum ini.

Sorotan Kajian

Nur Syamira Mohamad Nor dan Harun Baharudin (2021) menjalankan kajian yang bertajuk 'Masalah Murid Disleksia dan Gaya Pengajaran Guru dalam Pembelajaran Bahasa Arab.' Kajian kualitatif ini menggunakan temu bual separa berstruktur. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji isu yang dihadapi oleh pelajar disleksia semasa membaca dan menulis perkataan dalam Bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui cara guru Bahasa Arab mengajar pelajar disleksia. Beberapa tema dibangunkan daripada transkrip temu bual, dan prosedur temu bual dijalankan sebanyak tiga kali.

Hasil kajian menunjukkan lima masalah utama yang dihadapi oleh pelajar disleksia. Mereka menghadapi kesukaran menulis dengan betul, membaca perkataan yang sukar dan tidak dikenali, mengecam bunyi huruf dengan betul dan hampir sama, dan menambah huruf yang tidak diperlukan semasa menulis. Jadual berikut menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar yang mengalami disleksia apabila mereka mengecam bunyi yang hampir sama.

Jadual 1: Kesalahan dalam Mengecam Bunyi yang Hampir Sama

Dibaca	Ditulis
سَ	ثَ
ثَ	سَ
قَ	كَ
كَ	قَ

(Sumber: Nur Syamira Mohamad Nor dan Harun Baharudin, 2021)

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melihat huruf konsonan dalam bahasa Arab. Hal ini terjadi apabila pelajar disleksia berhadapan dengan dua jenis huruf yang rumit dalam bahasa ibunda dan bahasa kedua, mereka akan menjadi keliru. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh digunakan oleh pengkaji untuk memahami hubungan antara strategi pengajaran guru Pendidikan Khas dan isu bacaan murid disleksia.

Menurut Saiful Azam (2017), pengajaran dan pembelajaran murid biasa atau murid berkeperluan khas perlu disertakan dengan strategi pembelajaran yang bermotivasi dan berguna. Namun begitu, murid bermasalah pembelajaran akan cepat bosan dan hilang tumpuan semasa aktiviti bilik darjah. Mereka mudah terganggu oleh perkara yang mereka lihat. Keadaan ini akan menjejaskan prestasi akademik pelajar ini. Mereka mempunyai kecenderungan untuk mengalami masalah pembelajaran, terutama dalam kemahiran membaca.

Selain itu, kajian yang bertajuk 'Bacaan Pola Suku Kata Murid Disleksia dalam Bahasa Melayu' telah dijalankan oleh Nadia Shuhada Abdan Nasir dan Vijayaletchumy Subramaniam (2024) bertujuan untuk menentukan kesalahan bacaan suku kata yang dilakukan oleh pelajar yang mengalami disleksia terhadap perkataan Bahasa Melayu. Empat murid di pusat disleksia D'Genius Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur dipilih sebagai responden kajian ini.

Kemahiran membaca Bahasa Melayu mereka berada pada tahap sederhana. Ujian bacaan, soal selidik, temu bual dan pemerhatian adalah kaedah yang digunakan untuk mengumpul data. Borang soal selidik, teks bacaan, nota lapangan dan pita rakaman digunakan sebagai instrumen kajian.

Teks bacaan digunakan adalah untuk mengenal pasti kesalahan bacaan. Teks bacaan mengandungi 24 suku kata yang dipilih mengikut tahap pembelajaran subjek kajian dan dipetik daripada Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu 2019. Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian menghadapi masalah mengeja perkataan yang mempunyai suku kata KVKK yang mengandungi vokal berganding dan konsonan bergabung. Hasil analisis menunjukkan bahawa subjek kajian memenuhi ciri-ciri kesalahan yang dikaitkan dengan Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994). Kesalahan agakan atau suka-suka, pengguguran, pemindahan, penyisipan, penggantian, pembalikan dan pengguguran termasuk dalam kategori ini. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa terdapat dua kesalahan bacaan, iaitu jenis pembahagian dan penyebutan yang tidak termasuk dalam lingkungan teori.

Banyak maklumat baharu diperoleh daripada kajian ini dan boleh digunakan sebagai rujukan utama dalam kajian yang sedang dijalankan. Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis kesalahan bacaan murid disleksia dalam skop suku kata. Penemuan baharu seperti kesalahan luar lingkungan teori, menunjukkan bahawa pelajar disleksia masih mempunyai keupayaan untuk melakukan kesilapan yang tidak pernah mereka lakukan sebelum ini. Walau bagaimanapun, tiada kesalahan bacaan jenis pemeluwapan ditemui dalam analisis responden. Oleh itu, pengkaji ingin melihat kesilapan tambahan yang mungkin dilakukan oleh pelajar yang menghidap disleksia.

Vijayaletchumy Subramaniam, Puteri Roslina Abd Wahid, Normaliza Abd Rahim dan Kavenia Kunasegaran (2022) telah menjalankan kajian bertajuk 'Kesalahan Bacaan dalam Bahasa Melayu oleh Murid Disleksia Berdasarkan Perspektif Teori Levinson'. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesalahan bacaan bahasa Melayu dalam kalangan murid disleksia. Kajian ini menggunakan tujuh jenis mekanisme kesalahan bacaan, iaitu pengguguran, pemindahan, penyisipan, penggantian, pembalikan, pemeluwapan, penambahan dan agakan atau suka-suka. Data kajian ini dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian dan pengujian.

Untuk mengkaji kesalahan bacaan pelajar disleksia, pengkaji menggunakan teks bacaan bahasa Melayu mengikut kesesuaian tahap pembelajaran mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mengalami disleksia mengalami kesukaran membaca pelbagai elemen bacaan, termasuk pengguguran, pembalikan, penggantian, penyisipan dan agak-agakan. Walau bagaimanapun, mekanisme seperti pemeluwapan dan pemindahan yang dinyatakan dalam Teori Levinson Disleksia (1994) tidak ditemui dalam kesilapan bacaan pelajar yang didiagnosis dengan disleksia. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran membaca pelajar disleksia berbeza antara satu sama lain.

Selain itu, semasa kajian dijalankan, terdapat juga masalah membaca yang tidak terdapat dalam mekanisme Teori Disleksia Levinson (1994). Antara masalah yang ditemui oleh subjek kajian ialah pelajar mengeja secara fonik semasa membaca. Mereka membunyikan setiap huruf secara berasingan sebelum menggabungkan bunyi tersebut dalam satu suku kata. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh digunakan sebagai panduan untuk mengenal pasti mekanisme yang terdapat dalam teori dan memberikan idea kepada pengkaji untuk mengenal pasti

kesalahan lain yang mungkin berlaku selain daripada mekanisme yang disebutkan dalam teori.

Kajian bertajuk 'Disleksia dalam Aspek Ejaan Bacaan Bahasa Melayu' telah dijalankan oleh Zaliza Zubir, Mahfuzah Md Daud, dan Ahmad Hifzurrahman Ridzuan (2014). Kajian ini melihat dan memahami kecacatan kanak-kanak disleksia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji jenis pembacaan disleksia yang berdasarkan Teori Levinson dan melihat sejarah keluarga pelajar yang didiagnosis dengan disleksia. Empat pelajar dari Sekolah Kebangsaan Taman Maluri, Cheras telah diuji sebagai sampel kajian dalam usaha untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang kanak-kanak yang mengalami disleksia.

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan ujian pembacaan. Buku latihan disleksia digunakan sebagai alat kajian. Pengkaji juga menggunakan cerita pendek yang dicipta untuk kanak-kanak untuk mencari kesalahan bacaan, terutamanya dalam pembentukan suku kata. Hasilnya menunjukkan bahawa kanak-kanak ini sering menggugurkan satu perkataan daripada kata ganda dan menghadapi kesukaran membaca perkataan lebih daripada dua suku kata. Selain itu, mereka tidak melihat perbezaan fonem, seperti 'ba'-'ca' dan 'be'-'ca'. Selain itu, ujian penulisan dilakukan untuk membolehkan pengkaji melihat persamaan kesalahan yang dibuat oleh kanak-kanak disleksia yang lain.

Pengkaji boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan, terutamanya kaedah yang digunakan. Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa mekanisme teori yang menyebabkan kesalahan bacaan menjadi kebiasaan dalam kalangan pelajar yang mengalami disleksia. Walau bagaimanapun, pengkaji ingin mengetahui lebih lanjut sama ada pelajar disleksia melakukan kesalahan luar jangka semasa membaca.

Metodologi



Rajah 2: Carta Alir Metodologi

Berdasarkan Rajah 1, kajian ini telah memilih reka bentuk kajian kualitatif dan kajian kes bagi mendapatkan data kajian. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang memberatkan usaha untuk mencari dan memberi keterangan serta pemerhatian dan bukan bersifat numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Reka bentuk kajian ini memerlukan pemerhatian yang teliti. Ia tidak melibatkan bilangan responden yang ramai tetapi mendapatkan maklumat yang berkualiti dengan memberi tumpuan kepada sampel yang kecil dalam satu kumpulan. Kajian kes dipilih kerana kesesuaian kaedah ini untuk memberi fokus kepada

situasi, kejadian atau fenomena tertentu. Kes yang dikaji akan menjelaskan dan membantu kefahaman pembaca tentang situasi yang berlaku. Melalui reka bentuk kajian ini, pengkaji akan mengumpul maklumat secara langsung daripada responden berkaitan masalah bacaan murid disleksia. Justeru, reka bentuk kajian ini didapati bersesuaian dengan objektif kajian ini. Kajian kes yang dilaksanakan adalah untuk mengumpul data, memperoleh makna dan memperoleh pemahaman dari sesuatu kes.

Bagi memastikan objektif kajian tercapai, beberapa kaedah untuk mengumpul data-data kajian telah ditetapkan. Antara kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan meneliti bahan-bahan ilmiah seperti tesis, jurnal, buku, dan artikel yang telah diterbitkan bagi memahami setiap aspek yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Data dan bahan yang diperolehi melalui kajian terdahulu membantu dalam melakukan analisis terhadap masalah bacaan murid disleksia. Sumber-sumber yang dijadikan bahan rujukan adalah yang terkini, iaitu dari tahun 2016 ke atas. Selain kaedah kepustakaan, kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara pemerhatian. Kaedah pemerhatian dapat memberi peluang kepada pengkaji untuk memperoleh maklumat secara langsung terhadap sesuatu proses atau perkara yang ingin dikaji dalam situasi semula jadi. Oleh kerana kutipan data bersama murid dijalankan di luar waktu kelas, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian turut serta. Prosedur membaca petikan dijalankan bersama murid disleksia dan responden bertindak untuk membaca petikan yang telah disediakan. Kaedah ini digunakan untuk memerhati responden membaca petikan yang diberikan kemudian mencatat kesalahan-kesalahan bacaan yang dilakukan. Kaedah ini melibatkan pemerhatian secara langsung dengan murid disleksia secara bersemuka. Alat perakam audio digunakan untuk merekod bacaan murid disleksia ini.

Responden kajian ini terdiri daripada lima orang murid disleksia yang berumur antara tujuh hingga 12 tahun daripada tiga buah sekolah rendah di Perak, iaitu Sekolah Kebangsaan Seri Kepayang, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Taiping dan Sekolah Kebangsaan Sultan Yussuf. Murid-murid ini mempunyai tahap masalah bacaan yang berbeza. Ada antara mereka yang sudah lancar membaca tetapi masih melakukan kesilapan dan ada juga yang mengambil sedikit masa untuk membaca sesuatu ayat yang panjang. Seterusnya, terdapat tiga instrumen atau alat kajian yang digunakan bagi mendapatkan data, iaitu borang maklum balas murid, buku latihan disleksia, dan alat perakam. Borang maklum balas murid mengandungi butiran murid, iaitu Bahagian A demografi responden. Bahagian B pula adalah petikan yang perlu dibaca oleh murid dan ruangan catatan tambahan untuk kegunaan pengkaji mencatat perkara-perkara penting semasa pemerhatian sedang dijalankan. Kelima-lima murid akan diberikan borang maklum balas yang sama dan dinilai oleh pengkaji. Setiap murid diberi dua petikan pendek yang sama untuk dibaca seperti di bawah.

Petikan 1

Buah kelapa.
Buah kelapa itu jatuh.
Murid menendang buah kelapa.
Murid mana menendang buah kelapa?
(Sumber: Halaman 80, BacaMax 2018)

Petikan 2

Nyamuk bukan gajah.
Gajah ada belalai.
Nyamuk juga ada belalai.
Belalai nyamuk kecil sahaja.
(Sumber: Halaman 88, BacaMax 2018)

Rajah 2: Petikan Bacaan Murid Disleksia

Rajah 2 menunjukkan dua buah petikan pendek yang dipetik daripada buku latihan membaca disleksia yang berjudul ‘BacaMax: Baca, Surih, Suai, Lukis, Salin, Warna dan Jadi Kreatif!’ tahun 2018 terbitan *Human-Centered Computing Research Lab* yang ditulis oleh Zulikha Jamaludin dan Husniza Husni akan diberikan kepada setiap murid disleksia untuk dibaca. Semasa aktiviti membaca dijalankan, pengkaji akan merekod menggunakan alat perakam audio bagi bukti kesahan dan kepercayaan kajian. Rakaman tersebut akan dijadikan rujukan kepada kajian ini untuk meneliti kesalahan bacaan yang dilakukan oleh murid disleksia. Setiap kesalahan yang dilakukan akan direkod dan dicatat untuk dijadikan panduan menganalisis data.

Analisis data dan huraian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994). Pengkaji akan merekod dan mencatat kesalahan bacaan yang dilakukan kemudian mengelaskan kesalahan-kesalahan bacaan tersebut mengikut mekanisme yang terdapat dalam teori. Dalam teori ini, Levinson menggariskan tujuh mekanisme kesalahan dalam aspek bacaan dan tulisan, iaitu pemindahan, penyisipan, penggantian, pengguguran, pemeluwapan, pembalikan dan agakan atau suka-suka. Penerapan teori ini dalam kajian adalah bertujuan untuk melihat mekanisme-mekanisme yang terdapat dalam Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994) sebagai sandaran kajian. Mekanisme ini digunakan untuk menganalisis data daripada kesalahan bacaan yang dilakukan oleh murid disleksia semasa pengumpulan data dilakukan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bab ini akan mempersembahkan data kajian yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian dan temu bual. Seramai lima orang responden (murid) yang terlibat untuk membaca dua petikan ringkas. Data yang diperolehi dianalisis berdasarkan mekanisme-mekanisme yang terdapat dalam Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994).

a. Murid 1 (M1)

Jadual 2: Kesalahan Bacaan Murid 1

Bil.	Perkataan asal	Kesalahan Bacaan	Jenis Kesalahan Bacaan
1	itu	ditu	Penyisipan
2	Murid	Muridi	Penyisipan
3	menendang	mennedanga	Pemeluwapan
4	menendang	menedang	Pengguguran
5	bukan	buka	Pengguguran
6	ada	dan	Agak-agakan
7	belalai	belali	Pengguguran
8	kecil	kesi	Agak-agakan

Jadual 2 menunjukkan kesalahan bacaan yang telah dilakukan oleh M1 semasa pengumpulan data. Berdasarkan jadual, M1 telah melakukan lapan kesalahan bacaan yang terdiri daripada empat mekanisme kesalahan bacaan menurut Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994). Jenis kesalahan bacaan yang dilakukan ialah penyisipan, pemeluwapan, pengguguran dan agak-agakan. M1 telah membuat kesalahan bacaan jenis penyisipan sebanyak dua kali, iaitu apabila perkataan ‘itu’ dibaca sebagai ‘ditu’ dan perkataan ‘Murid’ dibaca dengan ‘Muridi’. Berdasarkan Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994), penambahan huruf dalam perkataan seperti huruf ‘d’ dan huruf ‘m’ merupakan gejala penyisipan huruf dalam perkataan.

Seterusnya, kesalahan bacaan jenis pemeluwapan telah berlaku sekali sahaja bagi perkataan ‘menendang’. M1 telah menyebut ia sebagai ‘mennedanga’. M1 jelas kelihatan sukar mengeja dan menyebut suku kata KVK dan hal ini banyak dilakukan oleh murid disleksia kerana suku kata terbuka seperti KV lebih mudah dieja dan disebut. Jenis kesalahan bacaan pengguguran pula telah dilakukan sebanyak tiga kali bagi perkataan ‘menendang’, ‘bukan’ dan ‘belalai’. Bacaan kedua perkataan ‘menendang’ telah disingkirkan huruf ‘n’, iaitu M1 membaca sebagai ‘menedang’ manakala huruf ‘n’ sekali lagi digugurkan dari perkataan ‘bukan’ dan dibaca sebagai ‘buka’. Perkataan ‘belalai’ pula telah dibaca sebagai ‘belali’, iaitu huruf ‘a’ telah digugurkan dari bacaan. Pengguguran huruf konsonan dan vokal telah berlaku dan M1 juga tidak dapat membaca suku kata diftong dengan betul.

Akhir sekali, bagi jenis kesalahan bacaan agak-agakan pula, M1 telah melakukan kesalahan bacaan sebanyak dua kali pada perkataan ‘ada’ dan ‘kecil’ yang masing-masing dibaca sebagai ‘dan’ dan ‘kesi’. Kesalahan jenis agak-agakan ini jelas memperlihatkan bahawa murid disleksia boleh melakukan kesalahan bacaan dengan menyebut perkataan yang telah berubah makna asalnya. Daripada hasil bacaan keseluruhan bacaan M1, dapat disimpulkan bahawa M1 mempunyai kelemahan dalam menyebut suku kata tertutup, suku kata diftong, membuat andaian perkataan sendiri dan menambah huruf yang tidak tentu ke dalam perkataan. Semua kesalahan yang telah dilakukan mempunyai kaitan rapat dengan mekanisme jenis kesalahan bacaan yang terdapat dalam Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994).

b. Murid 2 (M2)

Jadual 3: Kesalahan Bacaan Murid 2

Bil.	Perkataan asal	Kesalahan Bacaan	Jenis Kesalahan Bacaan
1	itu	*tidak dibaca	Pengguguran
2	menendang	menyedakan	Agak-agakan
3	menendang	menedakan	Agak-agakan
4	bukan	tukan	Penggantian
5	belalai	belalang	Agak-agakan
6	juga	juja	Penggantian
7	belalai	delalang	Agak-agakan
8	kecil	kecik	Penggantian
9	sahaja	salaja	Penggantian

Jadual 3 merupakan kesalahan bacaan yang telah dilakukan oleh M2. Berdasarkan jadual di atas, M2 telah melakukan sembilan jenis kesalahan bacaan yang terdiri daripada tiga jenis kesalahan bacaan menurut Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994), iaitu jenis kesalahan bacaan pengguguran, penggantian dan agak-agakan. Bagi jenis kesalahan bacaan pengguguran, M2 hanya melakukan kesalahan bacaan sekali, iaitu dengan menggugurkan perkataan ‘itu’. Perkataan tersebut tidak dibaca dan M2 telah melangkau perkataan tersebut dengan membaca perkataan seterusnya. Pengguguran bukan sahaja boleh berlaku dengan menggugurkan huruf malah ia juga berlaku dengan menggugurkan perkataan atau ayat.

Selain itu, kesalahan bacaan yang paling banyak dilakukan oleh M2 ialah agak-agakan, iaitu ia berlaku sebanyak empat kali. Bagi perkataan ‘menendang’, M2 telah melakukan dua kali kesalahan bacaan agak-agakan, iaitu menyebutnya sebagai ‘menyedakan’ dan ‘menedakan’. Bagi kesalahan pertama, M2 telah menambah huruf konsonan ‘y’ dan imbuhan akhiran ‘kan’

manakala bagi kesalahan kedua, M2 telah menggugurkan huruf konsonan 'n' dan 'ng' dan menambah imbuhan akhiran 'kan'. Kesalahan yang dilakukan telah menyebabkan makna perkataan asal telah berubah malah ia tidak memberi sebarang makna kerana perkataan tersebut tidak wujud. Begitu juga dengan perkataan 'belalai'. M2 telah menyebut perkataan tersebut sebagai 'belalang' pada bacaan pertama manakala pada bacaan kedua disebut sebagai 'delalang'. Kedua-dua kesalahan yang dilakukan telah berlaku dengan penambahan huruf 'ng' di akhir perkataan dan menyingkirkan huruf 'i'. Kesalahan kedua membuktikan bahawa M2 mempunyai simptom disleksia kerana keliru dengan huruf 'b' dan 'd'.

Akhir sekali, M2 telah melakukan kesalahan bacaan penggantian sebanyak tiga kali. Perkataan 'bukan' dibaca sebagai 'tukan', 'juga' dibaca sebagai 'juja' dan 'kecil' dibaca sebagai 'kecik'. M2 telah menggantikan huruf 'b' kepada huruf 't' pada kesalahan pertama dan menggantikan huruf 'g' kepada huruf 'j'. Seterusnya, kesalahan bacaan ketiga pula telah berlaku dengan penggantian huruf 'l' kepada huruf 'k'. Hal ini boleh berlaku akibat daya fikir yang lemah atau kekeliruan dalam menentukan bunyi huruf. Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa M2 masih mempunyai kelemahan membaca perkataan mudah dengan melakukan kesalahan bacaan yang selari dengan Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994).

c. Murid 3 (M3)

Jadual 4: Kesalahan Bacaan Murid 3

Bil.	Perkataan asal	Kesalahan Bacaan	Jenis Kesalahan Bacaan
1	Murid	Murad	Penggantian
2	menendang	menanam	Agak-agakan
3	buah	*tidak dibaca	Pengguguran
4	gajah	gayah	Penggantian
5	belalai	belalang	Agak-agakan
6	kecil	kecik	Penggantian

Berdasarkan Jadual 4, M3 telah melakukan kesalahan bacaan sebanyak enam kali yang terdiri daripada tiga jenis kesalahan, iaitu penggantian, agak-agakan dan pengguguran. Bagi jenis kesalahan bacaan pengguguran, M3 telah menggugurkan perkataan 'buah' dengan tidak membacanya. Manakala bagi kesalahan bacaan jenis penggantian pula, M3 melakukan kesalahan sebanyak tiga kali, iaitu membaca perkataan 'Murid' sebagai 'Murad', perkataan 'gajah' sebagai 'gayah' dan perkataan 'kecil' sebagai 'kecik'. Penggantian huruf vokal berlaku pada kesalahan pertama, iaitu menggantikan huruf 'i' kepada huruf 'a', diikuti dengan penggantian huruf konsonan pada kesalahan bacaan kedua dan ketiga, iaitu menggantikan huruf 'j' kepada huruf 'y' dan huruf 'l' kepada huruf 'k'.

Akhir sekali, bagi jenis kesalahan bacaan agak-agakan, M3 telah melakukannya sebanyak dua kali dengan menyebut perkataan 'menendang' sebagai 'menanam' dan 'belalai' sebagai 'belalang'. Kesalahan bacaan ini dilakukan akibat kekeliruan dalam mengeja suku kata dan kesalahan yang dilakukan ini selari dengan mekanisme yang terdapat dalam Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994).

d. Murid 4 (M4)

Jadual 5: Kesalahan Bacaan Murid 4

Bil.	Perkataan asal	Kesalahan Bacaan	Jenis Kesalahan Bacaan
1	menendang	menedang	Pengguguran
2	Belalai	lalai	Pengguguran
3	kecil	kecik	Penggantian

Jadual 5 menunjukkan kesalahan bacaan yang telah dilakukan oleh M4 semasa pengumpulan data dilakukan. Secara jelasnya, kita dapat lihat bahawa M4 telah melakukan kesalahan minimum berbanding murid-murid lain. Kesalahan bacaan yang dilakukan hanya tiga dan terdiri daripada dua jenis kesalahan bacaan yang terdapat dalam Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994), iaitu pengguguran dan penggantian.

Bagi kesalahan pengguguran, M4 telah membaca perkataan yang paling kerap dibaca salah oleh responden, iaitu perkataan 'menendang' yang dibaca sebagai 'menedang'. Berlaku pengguguran huruf 'n' dalam bacaan murid. Manakala perkataan 'belalai' pula dibaca sebagai 'lalai', iaitu pengguguran suku kata 'be' telah berlaku dalam bacaan murid. Selain daripada huruf, pengguguran suku kata juga boleh berlaku ketika bacaan.

Selain itu, M4 juga melakukan kesalahan bacaan bagi perkataan yang kerap dibaca salah, iaitu perkataan 'kecil' sebagai 'kecik'. Hal ini boleh juga berlaku akibat kebiasaan masyarakat yang menyebut perkataan 'kecil' sebagai 'kecik'. Penggantian huruf 'l' kepada 'k' telah berlaku semasa bacaan. Oleh yang demikian, kesalahan-kesalahan bacaan yang dilakukan oleh M4 menunjukkan kesalahan yang kerap juga dilakukan oleh responden lain dan kesalahan yang dilakukan ini selari dengan Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994).

e. Murid 5 (M5)

Jadual 6: Kesalahan Bacaan Murid 5

Bil.	Perkataan asal	Kesalahan Bacaan	Jenis Kesalahan
1	Buah kelapa	Bulapa	Pemeluwapan
2	itu	*tidak dibaca	Pengguguran
3	jatuh	jatuk	Penggantian
4	Murid	muri	Pengguguran
5	menendang	manta	Agak-agakan
6	mana	nama	Pembalikan
7	Nyamuk	namut	Agak-agakan
8	bukan	buka	Pengguguran
9	gajah	jagah	Pembalikan
10	belalai	bali	Pemindahan
11	juga	guja	Pembalikan
12	kecil	kacil	Penggantian

Jadual 6 menunjukkan kesalahan bacaan yang dilakukan oleh M5. Berdasarkan jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa M5 melakukan kesalahan bacaan paling banyak berbanding responden lain. Kesalahan bacaan yang dilakukan adalah sebanyak 12 kali yang terdiri daripada enam jenis kesalahan bacaan yang terdapat dalam Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994),

iaitu pemeluwapan, pengguguran, agak-agakan, pembalikan, pemindahan dan penggantian. Berdasarkan keseluruhan responden, hanya M5 sahaja yang melakukan kesalahan jenis pemeluwapan, iaitu perkataan 'Buah kelapa' dibaca sebagai 'bulapa'. Pemeluwapan terjadi apabila beberapa perkataan digabung menjadi perkataan-perkataan baharu. Suku kata 'bu' dan 'lapa' tidak digugurkan daripada perkataan tetapi digabungkan menjadi satu perkataan manakala suku kata 'ah' dan 'ke' telah digugurkan dari bacaan. Hal ini berlaku apabila murid keliru dengan perkataan-perkataan yang dijarakkan.

Seterusnya, bagi kesalahan jenis pengguguran pula, M5 telah melakukan kesalahan sebanyak tiga kali. Perkataan 'itu' telah digugurkan dari bacaan yang bermaksud murid tidak membaca perkataan tersebut dan melangkaui perkataan dengan meneruskan bacaan. Selain itu, perkataan 'Murid' juga telah dibaca sebagai 'Muri' dan perkataan 'bukan' dibaca sebagai 'buka'. Jelas kelihatan huruf konsonan 'd' dan 'n' telah digugurkan dari perkataan-perkataan tersebut. Di samping itu, jenis kesalahan bacaan penggantian juga dilakukan. Antaranya ialah perkataan 'jatuh' dibaca sebagai 'jatuk' dan perkataan 'kecil' dibaca sebagai 'kacil'. Penggantian huruf konsonan 'h' kepada 'k' dan huruf vokal 'e' kepada 'a' telah berlaku dalam bacaan.

M5 juga melakukan kesalahan bacaan agak-agakan, iaitu dengan membaca perkataan 'menendang' sebagai 'manta' dan 'Nyamuk' sebagai 'namut'. Kesalahan bacaan yang dilakukan telah menyebabkan makna asal perkataan telah berubah malah perkataan-perkataan yang dibaca juga tidak wujud. Seterusnya, M5 telah melakukan kesalahan bacaan jenis pembalikan sebanyak tiga kali, iaitu membaca perkataan 'mana' sebagai 'nama', perkataan 'gajah' dibaca sebagai 'gayah' dan perkataan 'juga' dibaca sebagai 'guja'. Jelas kelihatan bahawa huruf di setiap suku kata telah ditukar atau dibalikkan kedudukannya. Jenis kesalahan bacaan ini hanya dilakukan oleh M5 sahaja.

Bagi jenis kesalahan bacaan terakhir yang dilakukan oleh M5 ialah pemindahan. Pemindahan yang telah dilakukan ialah bagi perkataan 'belalai'. M5 telah membaca perkataan tersebut sebagai 'bali'. Beberapa huruf yang terdapat dalam satu perkataan telah digugurkan seperti huruf 'e', 'a' dan 'l'. Kemudian baki huruf yang tinggal digabungkan menjadi satu perkataan yang lebih ringkas. Suku kata yang asalnya adalah tiga telah menjadi dua suku kata sahaja. Berdasarkan keseluruhan kesalahan bacaan yang dilakukan M5, dapat disimpulkan bahawa murid tersebut perlu dipantau bacaan secara lebih kerap sama ada di rumah mahupun di sekolah kerana tahap kemahiran bacaannya sangat lemah. M5 mengalami kekeliruan dalam mengeja dan membaca dengan teratur.

Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya menemukan kesalahan bacaan yang dilakukan oleh murid disleksia selari dengan tujuh mekanisme yang terdapat dalam Teori Sindrom Disleksia Levinson (1994), iaitu pemindahan, penyisipan, penggantian, pemeluwapan, pembalikan, pengguguran dan agak-agakan atau suka-suka. Oleh yang demikian, kajian ini telah membuktikan bahawa semua jenis kesalahan bacaan tersebut masih dilakukan dalam kalangan murid disleksia. Cabaran kajian dari sudut pemerolehan data dapat diatasi dengan baik dan lancar. Objektif kajian ini telah berjaya dicapai berdasarkan hasil dapatan dan analisis yang diperoleh sejajar dengan matlamat utama pengkaji.

Implikasi kajian ini adalah dapat memberi kefahaman mendalam kepada ibu bapa mengenai cara mengesan masalah bacaan disleksia melalui simptom-simptom yang dinyatakan pada awal

bab kajian. Di samping itu, ibu bapa juga dapat mengetahui faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi masalah bacaan anak-anak mereka. Dengan mengetahui punca berlakunya sesuatu masalah, ibu bapa dapat mengambil tindakan awal yang sewajarnya agar dapat menangani masalah tersebut. Ibu bapa juga boleh memperbaiki sikap dan penglibatan diri terhadap anak-anak.

Kajian ini menyarankan beberapa pihak untuk bersama-sama menggembelng tenaga dan menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi menangani masalah bacaan murid disleksia. Sekolah dan guru sering dipersalahkan untuk pencapaian murid yang rendah sehingga memberi tekanan hebat kepada para guru. Dalam usaha untuk membantu para guru menghadapi cabaran ini, ibu bapa perlu turut memainkan peranan dalam menangani masalah bacaan anak-anak (Zuraidah et. al, 2019). Hal ini demikian kerana ibu bapa merupakan model atau contoh dalam pembentukan sahsiah dan moraliti anak-anak. Penglibatan ibu bapa penting dan digalakkan kerana memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan sosial dan kejayaan akademik kanak-kanak.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Nurfarahkhanna binti Mohd Rusli atas bimbingan, nasihat dan sokongan yang tidak pernah putus sepanjang proses penyelidikan dijalankan. Keterlibatan beliau dalam memberikan panduan dan arahan yang jelas telah banyak membantu saya dalam menyelesaikan penulisan ini. Sumbangan kepakaran beliau dalam bidang berkaitan sangat bermakna dan menjadi inspirasi dalam perkembangan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul, A. B. & Wan M. R. W. M. (2021). Strategi Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dalam Menangani Masalah Bacaan Dalam Kalangan Murid Disleksia di Sekolah Rendah Pedalaman Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(1): 618-627.
- Adriana, A., Mazarul, H. M. H., Norazimah, Z. & Mohd, S. O. (2023). Pembangunan Model Ikab Magnetis ke atas Murid Disleksia Sekolah Rendah bagi Pengajaran Bahasa Melayu. *Fitness Performance and Health Journal*. 2(2):1-10.
- Aminah, K. (2020). *Disleksia*. Myhealth Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/disleksia/>
- Blagovesta, T. (2016). Helping Learners with Dyslexia Read in English. *English Studies at NBU*, 2015, 1(1), 63-71.
- Davis, R. (2010). *The Gift of dyslexia: Why Some of The Smartest People Can't Read and How They Can Learn*: Perige.
- Ebere, C. S. (2016). *Understanding dyslexia*. Thesis for Department of Scoial Work, University of Nigeria, Nsukka.
- Intan, A. (2016). *Kesulitan membaca kata pada anak disleksia usia 7-12 tahun di sekolah inklusif galuh handayani surabaya: kajian psikolinguistik*. Tesis (Skripsi). Surabaya: Universiti Airlangga.
- Jamiah, T. (2022). Nota Resepi Bergambar (NRB) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang Tidak Boleh Membaca di PPKI SMK Malim. *Buku Amalan Terbaik dalam Pendidikan Khas dan Inklusif*. Seameo Sen dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. 1(1): 398-419.

- Kavenia, K. & Vijayaletchumy, S. (2018). Simptom-simptom Disleksia Visual dalam Kalangan Murid Disleksia. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*. 7(2): 1-7.
- Levinson, H. N. (1994). *Smart but feeling dumb. the challenging new research on dyslexia-and how it may help you*. Oxford University Press.
- Nadia, S. A. N. & Vijalatechumy, S. (2024). Bacaan Pola Suku Kata Murid Disleksia dalam Bahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 12(2): 50-62.
- Nazariah, M. I. (2021). *Bahan Bantu Baca untuk Murid Disleksia Visual: Meningkatkan Kemahiran Membaca Ayat Mudah*. 2nd International Conference on Educational Research. 38-47.
- Nur, S. M. N. & Harun, B. (2021). Masalah Murid Disleksia dan Gaya Pengajaran Guru Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*. 6(21): 26-24.
- Saiful, A. K. A. (2017). Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-miurid Berkeperluan Khas di Malaysia. ResearchGate. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/publication/332521325_Program_Pendidikan_Inklusif_Bagi_Murid-Murid_Berkeperluan_Khas_di_Malaysia
- Sariah, A. (2020). *Panduan asas disleksia dan intervensi simptom*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Suzita, S. & Aliza, A. (2021). Pengetahuan terhadap disleksia dalam kalangan ibu bapa di sebuah sekolah rendah. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(21), 201-213.
- Ugwu, C. J. (2015). *Special education. Study of differences*. (2nd ed.). TND press Ltd. Rivers State Nigeria.
- Vijayaletchumy, S. (2008). Disleksia dalam Konteks Pembelajaran Bahasa di Malaysia. *Pertanika Journal Social Sciences and Humanities*. 16(2): 115-139.
- Vijayaletchumy, S., Puteri, R. A. W., Normaliza, A. R. & Kavenia, K. (2022). Kesalahan Bacaan dalam Bahasa Melayu oleh Murid Disleksia Berdasarkan Perspektif Teori Levinson. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*. 30(2): 743-759.
- Walda, S., Weerdenburg, M. V., Ven, A. V. D. & Bosman, A. (2021). Literacy Progress in Children With Dyslexia and The Role Of Attention. *Reading & Writing, Quarterly Journal* 38(1):19-32.
- Yahya, A. Y., Ahmad, N. A., & May, Y. S. (2018). A New Dimensional in Teaching Non-verbal Students with Learning Disabilities. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(12), 2099–2108.
- Zaliza, Z., Mahfuzan, M. D. & Ahmad, H. R. (2014). Disleksia dalam Aspek Bacaan Bahasa Melayu. *Centre of International Language*. Universiti Malaysia Perlis.
- Zuraidah, A. et.al (2019). Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan*, 6(2), 44-70.